

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MEI 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI teraju pelaksanaan Pelan IoT Kebangsaan	Utusan Malaysia
2.	IoT mampu jana peluang ekonomi bernilai RM890 Bilion di peringkat global	BERNAMA
3.	Kerugian dikurangkan	Utusan Malaysia
4.	Mosti sasar kadar pengkomersialan inovasi meningkat 15 peratus	Sinar Harian
5.	Ilmu kimia jadi modal perniagaan	Kosmo
6.	Towards an equitable society	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 22 MEI 2015 (JUMAAT)

MOSTI teraju pelaksanaan Pelan IoT Kebangsaan

KUALA LUMPUR 21 Mei - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menerajui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik Internet Segala-galanya (IoT) Kebangsaan yang mampu menjana peluang ekonomi bernilai RM890 bilion di peringkat global.


Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, pelan tersebut bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak lama lagi.

"Teknologi ini dilihat mampu menjana peluang ekonomi di peringkat global bernilai RM890 bilion di samping nilai tambah RM6,100 bilion menjelang 2020.

"Dalam tempoh itu juga, IoT dianggarkan berkembang pada kadar 34.1 peratus setahun di rantau Asia Pasifik," katanya dalam sidang akhbar sempena majlis perasmian Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2015) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha (KSU) MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Timbalan KSU (Dasar), Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Timbalan KSU (Sains), Dr. Zulkifli Mohamed Hashim.

NICE 2015 anjuran MOSTI buat kali-10 itu disertai kira-kira 1,000 orang terdiri daripada pemain industri, pelajar universiti dan de-



EWON EBIN merasmikan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2015 sambil diperhatikan Noorul Ainur Mohd. Nur (dua dari kiri); Mohd. Azhar Yahaya (kanan) dan Zulkifli Mohamed Hashim (kiri) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD NAJIB MOHD NOR

legasi dari luar negara.

Ewon dalam pada itu menyuarakan keyakinan bahawa kerajaan akan terus komited memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

"MOSTI juga yakin dapat mencapai sasarannya untuk mengkomersialkan sebanyak 360 produk R&D berimpak tinggi dalam tempoh lima tahun lagi,"

tambahnya.

Beliau memberitahu, kementeriannya memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi membiayai projek-projek mempunyai elemen sosial inovasi juga penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada tahun ini.

Peruntukan itu katanya, meliputi permohonan atau pelaksanaan idea berbentuk perkhidmatan, produk atau modul bagi memenuhi keperluan sosial.



IoT Mampu Jana Peluang Ekonomi Bernilai RM890 Bilion Di Peringkat Global

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kemudahan Internet of Things (IoT) yang akan dilaksanakan di Malaysia tidak lama lagi, dijangka menjana peluang ekonomi bernilai RM890 bilion di peringkat global.

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin](#) berkata kementerian itu atau MOSTI akan menerajui pelaksanaan pelan strategik IoT yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

["Menjelang 2020, IoT dijangka berkembang pada kadar 34.1 peratus setahun di rantau Asia Pasifik," katanya pada sidang media sebelum pelancaran Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan \(NICE\) 2015, di sini, hari ini.](#)

Pada Mei 2014, agensi MOSTI iaitu MIMOS melancarkan kumpulan kerja IoT yang memaparkan komitmen kerajaan bagi IoT yang bakal menjadi keutamaan seterusnya dalam bidang teknologi.

IoT adalah integrasi atau penyepaduan teknologi seperti Internet, pengesan tanpa wayar, sistem pengenalan frekuensi radio dan sistem kedudukan global (GPS) yang boleh memudahkan kehidupan orang ramai.

[Persidangan tiga hari bertemakan 'Beyond Innovation' \(Melangkaui Inovasi\) dan dianjurkan MOSTI, akan mengetengahkan penceramah tempatan serta antarabangsa yang dijangka menarik pembabitan 1,000 peserta dan 81 pempamer.](#)

[Pada hari terakhir persidangan itu, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, dijadual menyempurnakan majlis Anugerah Inovasi Negara 2015.](#)

-- BERNAMA

